

BAB 6 : PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

BAHAGIAN A : ISI TEMPAT KOSONG

Cadangan ke arah Pembentukan Malaysia

- 1 Cadangan pertama pembentukan Malaysia dikemukakan pada tahun 1887 oleh Lord Brassey iaitu **Pengarah Syarikat Borneo Utara**.
- 2 Antara cadangan Lord Brassey agar kerajaan menggabungkan Sarawak, Sabah, Negeri-negeri Melayu dan **Negeri-negeri Selat**.
- 3 Cadangan kedua dikemukakan oleh Sir Malcom Mac Donald iaitu **Gabenor Jeneral** Asia Tenggara pada tahun 1948 juga tidak mendapat sambutan.
- 4 Sir Malcom Mac Donald mencadangkan penggabungan ke atas **Sabah**, Sarawak, Singapura, Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu.
- 5 **Dato' Onn Ja'afar** kemudiannya muncul mencadangkan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamakan Malaysia
- 6 Menurut Dato' Onn bin Jaafar, British akan menggabungkan negeri Sarawak, Sabah, **Brunei** dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu
- 7 Terdapat cadangan daripada tokoh lain seperti David Marshall, **Lim Yew Hock** dan Lee Kuan Yew. Namun, kesemua cadangan tersebut tidak diterima.
- 8 Lee Kuan Yew mendesak British untuk berunding dengan **Tunku Abdul Rahman** untuk menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu sahaja.
- 9 Idea menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu, tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman kerana bimbang berlakunya **ketidakseimbangan penduduk**.
- 10 Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman telah mengumumkan cadangan **gagasan Malaysia** dalam satu majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura.

BAHAGIAN B : SOALAN STRUKTUR

Perjanjian Malaysia 1963

Soalan: **Jadual yang berikut merujuk kepada Perjanjian Malaysia**

Tarikh	Peristiwa
9 Julai 1963	Perjanjian Malaysia ditandatangani di London

a) **Apakah yang dimaksudkan dengan Akta Malaysia?**

- F1 Akta yang menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu
F2 Singapura, Sarawak dan Sabah
F3 Dinamakan negara Malaysia

(1 markah)

b) **Siapakah tokoh yang memperkenalkan Akta Malaysia?**

- F1 Ratu Elizabeth II
- F2 Yang Di-Pertuan Agong

(1 markah)

c) **Senaraikan pihak-pihak yang terlibat dalam meluluskan Akta Malaysia.**

- F1 Parlimen British
- F2 Parlimen Tanah Melayu
- F3 Dewan Perhimpunan Singapura
- F4 Majlis Undangan Sarawak
- F5 Majlis Undangan Sabah

(2 markah)

d) **Nyatakan inti pati Perjanjian Malaysia 1963?**

- F1 Semua urusan hal ehwal adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.
- F2 Agama Islam merupakan agama Persekutuan
- F3 Kecuali Sarawak dan Sabah
- F4 Agama lain bebas diamalkan
- F5 Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan
- F6 Bahasa Inggeris dan bahasa lain masih boleh digunakan
- F7 Sarawak dan Sabah bahasa rasmi ialah bahasa Inggeris sehingga 10 tahun
- F8 Sarawak dan Sabah diberikan kuasa mengawal hal ehwal imigresen dan perkhidmatan.
- F9 Bagi perwakilan parlimen dalam pilihanraya
- F10 Sarawak memperolehi 24 kerusi
- F11 Sabah 15 kerusi
- F12 Singapura 15 kerusi
- F13 Rakyat bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu

(4 markah)

e) **Berdasarkan pemerhatian anda, apakah ikhtibar yang diperolehi dalam peristiwa pembentukan Malaysia hinggalah kepada pengenalan Akta Malaysia 1963?**

- F1 Usaha yang bersungguh daripada pemimpin tempatan dan luar Negara
- F2 Dasar diplomasi yang digunakan untuk mengatasi masalah yang timbul
- F3 memberikan kejayaan kepada cadangan untuk menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu.
- F4 Kepentingan semua anggota yang terlibat
- F5 Untuk memastikan kesejahteraan /perpaduan antara negeri

(2 markah)

BAHAGIAN C : SOALAN ESEI**Faktor/Reaksi Pembentukan Malaysia**

Soalan **Idea pembentukan Malaysia telah dikemukakan oleh pelbagai pihak sejak awal abad ke-19**

- (a) **Cadangan pembentukan Malaysia yang dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman telah menimbulkan pelbagai reaksi.**
Apakah reaksi yang ditimbulkan oleh Indonesia dan Filipina terhadap pembentukan Malaysia?

Indonesia

- | | | |
|----|---|---|
| F1 | Membantah pembentukan Malaysia | 1 |
| F2 | Peringkat awal tidak menunjukkan reaksi | 1 |
| F3 | merupakan satu bentuk neokolonialisme yang mengancam Indonesia | 1 |
| F4 | Mengisyiharkan dasar Konfrontasi | 1 |
| F5 | Konsep Ganyang Malaysia | 1 |
| F6 | Menyerang kapal-kapal nelayan Tanah Melayu | 1 |
| F7 | Melakukan pencerobohan ruang udara | 1 |
| F8 | Melancarkan serangan terhadap Tanah Melayu melalui Johor, Sarawak dan Sabah | 1 |
| F9 | Memburukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia dan dunia ketiga. | 1 |

Filipina

- | | | |
|-----|--|---|
| F10 | Filipina menuntut hak terhadap Sabah | 1 |
| F11 | Mendakwa Sabah sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu | 1 |
| F12 | Berdasarkan perjanjian antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overback. | 1 |
| F13 | Baron Von Overback telah menjual haknya kepada Alfred Dent. | 1 |
| F14 | Alfred Dent telah menubuhkan Syarikat British Utara Borneo (SBUB) | 1 |
| F15 | SBUB kemudiannya menyerahkan Sabah kepada British | 1 |
| F16 | Pajakan ini diisyiharkan tamat | 1 |
| F17 | oleh waris Sultan Sulu, iaitu Sultan Esmail Kiram. | 1 |
| F18 | Jun 1966, Filipina mengiktiraf penubuhan Malaysia. | 1 |

(18 X 1m = 8 markah)

- (b) **Jelaskan faktor pembentukan Malaysia dari aspek politik dan ekonomi.**

Politik.

- | | | |
|-----|---|---|
| F1 | Barisan Sosialis | 1 |
| H1a | Lee Kuan Yew berminat bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |

H1b	kerana perkembangan pengaruh Barisan Sosialis yang memenangi pilihanraya Hong Lim di Singapura.	1
H1c	Kebangkitan pengaruh Barisan Sosialis akan melemahkan parti pimpinan Lee Kuan Yew.	1
H1d	Perkara ini membimbangkan kerana menggugat rancangan kerajaan British untuk memberi Kemerdekaan kepada Singapura.	1
H1e	Barisan Sosialis dianggap oleh Lee Kuan Yew sebagai gerakan berhaluan kiri.	1
F2	Ancaman Komunis	1
H2a	Lee Kuan Yew menggunakan alasan ini untuk mendesak British memberikan kemerdekaan	1
H2b	Persekutuan Tanah Melayu mempunyai pengalaman dalam membanteras komunis.	1
H2c	Ancaman komunis juga wujud di Sarawak.	1
H2d	diperjuangkan oleh Clandestine Communist Organisasion (CCO) yang bermatlamat menjadikan Sarawak sebagai negara komunis.	1
H2e	Penyertaan Singapura, Sabah, Sarawak ke dalam Malaysia dapat menjadi benteng ancaman komunis.	1
F3	Penubuhan Malaysia	1
H3a	akan mempercepatkan kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei	1
H3b	Penyertaan ini menjamin kemerdekaan yang lebih awal	1
H3c	kerana mengikut perancangan Malaysia akan ditubuhkan dalam tempoh dua tahun lagi	1
H3d	dapat menikmati pembangunan sosial, ekonomi dan politik	1
H3e	Proses dekolonisasi British terhadap negeri-negeri kecil yang belum membangun	1
H3f	Hampir kesemua negara di Asia Tenggara telah berjaya mendapat kemerdekaan.	1
Ekonomi.		
F4	Pasaran yang luas	1
F5	Menggalakkan kemasukan pelabur	1
F6	Membantu perkembangan pertanian	1
F7	Tanah Melayu kaya dengan getah dan bijih timah	1
F8	Sarawak dan Sabah mempunyai sumber balak	1
F9	Brunei kaya dengan minyak	1

(26 X 1m = 8 markah)

(c) **Sebagai warganegara yang berjiwa patriotik, apakah tanggungjawab anda jika negara menghadapi ancaman seperti konfrontasi?**

F1	Bersatu padu mempertahankan mempertahankan kedaulatan	1
F2	Meniup semangat perjuangan dalam kalangan rakyat	1

F3	Memberkan bantuan seperti kewangan dan maklumat	1
F4	Menganggotai pasukan sukarela	1
F5	Sanggup berkorban demi negara (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1
(5X1m = 4 markah)		

BAHAGIAN D : SOALAN OBJEKTIF

- 1 Apakah persamaan antara Lord Brassey dengan Sir Malcom MacDonald
- A Menganggotai Jawatankuasa Eksekutif
 - B Menolak pelaksanaan Malayan Union
 - C Mencadangkan idea pembentukan Malaysia**
 - D Menyokong kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu

JAWAPAN : C

- 2 Mengapakah kerajaan Singapura bimbang dengan kemenangan Barisan Sosialis dalam pilihanraya Hong Lim pada tahun 1961?
- A Mengancam sistem sosialis
 - B Mengancam kedudukan British
 - C Menggugat rancangan kemerdekaan**
 - D Menghalang kemerdekaan

JAWAPAN : C

- 3 Apakah manfaat yang akan didapat oleh Sabah, Brunei dan Sarawak dengan menyertai gagasan Malaysia?
- A Mempercepatkan kemerdekaan**
 - B Mengukuhkan perpaduan kaum
 - C Memodenkan sistem pendidikan
 - D Mendapat bantuan kemerdekaan

JAWAPAN : A

- 4 Apakah gesaan Parti Buruh, Barisan Sosialis dan Parti Rakyat Bersatu dengan penyertaan Singapura dalam gagasan Malaysia?
- A Menjamin hak asasi
 - B Mengelakkan pandangan rakyat
 - C Mendapatkan pandangan rakyat**
 - D Mencapai kemerdekaan terlebih dahulu

JAWAPAN : C

- 5 Apakah kepentingan tuntutan Perkara 20 kepada penduduk Sarawak dan Sabah?
- A Menjamin hak rakyat**
 - B Mengukuhkan keharmonian kaum
 - C Mengimbangi pemilikan harta
 - D Menambahkan peluang pekerjaan

JAWAPAN : A

6 Apakah isu yang dibangkitkan oleh Parti SNAP, UNKO dan PESAKA di Sarawak dan Sabah berhubung dengan idea pembentukan Malaysia pada tahun 1960 an?

- A Penyeragaman sistem pemerintahan
- B Perseimbangan kadar pertumbuhan kaum
- C Pencapaian kemerdekaan terlebih dahulu
- D Penguasaan sumber ekonomi kerajaan pusat**

JAWAPAN : D

7 Apakah matlamat A.M Azahari menentang gagasan Malaysia?

- A Melindungi hak peribumi
- B Mengawalkekayaan negeri
- C Menubuhkan Persekutuan Borneo**
- D Menolak dasar penaklukan British

JAWAPAN : C

8 Apakah peranan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum dalam menjayakan pembentukan Malaysia?

- i Memberi penerangan
- ii Menuntut pilihan raya
- iii Mengubal perlombagaan
- iv Mengumpulkan pandangan penduduk**

- A i dan ii
- B i dan iv**
- C ii dan iii
- D iii dan iv

JAWAPAN : B